

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 JUNE 2016

Pelancaran model baharu sebagai titik perubahan

# Era kebangkitan Proton

um-15/6/2016

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA  
penyair@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 14 JUN

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Proton Perdana sedan eksekutif iaitu generasi keempat yang baharu dilancarkan adalah detik titik perubahan untuk Proton Holdings Bhd. (Proton) melalui proses pemulihan sepe-nuhnya.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan menghasilkan model baharu itu telah membuktikan syarikat pengeluar kereta nasional tersebut benar-benar mahu mengembalikan kegemilangan Proton ke landasan kejayaan bagi menjana lebih banyak keuntungan dan memberi manfaat kepada negara.

"Proton perlu komited menawarkan kenderaan yang memenuhi kehendak pelanggan. Saya difahamkan, 900 unit model Perdana menerima tempahan awal daripada pelanggan dan ia membuktikan keyakinan pelanggan terhadap model baharu ini serta keinginan mereka untuk melihat Proton berjaya.

"Biar model dan pengurusan baharu Proton ini diadili berdasarkan merit mereka. Saya tahu bahawa kita semua ingin Proton mencapai kejayaan dalam meningkatkan jualan, dalam memimpin inovasi dan memastikan syarikat ini mempunyai masa depan yang cerah, baik dari segi produk dan kesejahteraan pekerja mereka.

"Saya pasti syarikat ini akan terus mencipta (kenderaan) dan meningkat, untuk mengeluarkan kereta terbaik buat rakyat Malaysia dan pelanggan di luar negara," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Proton Perdana baharu itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.



**ORANG** ramai mengambil peluang melihat kereta Proton Perdana model terbaharu generasi keempat yang dilancarkan oleh Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Pengerusi Proton, Datuk Seri Syed Faisal Albar Syed Ali Rethza Albar dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Ahmad Fuaad Kenali. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, Proton selama ini terlalu banyak campur tangan politik dalam strategi pengurusan termasuk kakitangan dan model perniagaan syarikat sehingga menyebabkan ia berdepan keadaan sukar.

Perdana Menteri menjelaskan, syarikat automotif negara itu tidak berada di kedudukan yang sepa-

lutunya dengan kurang penyelidikan yang tepat dan keupayaan pambangunan selain skala pengeluaran yang diperlukan untuk kekal kompetitif.

"Ada masanya ada sifat angkuh, bahawa Proton boleh buat apa sahaja kerana kerajaan akan sentiasa menyokongnya. Dua kilang dibangunkan (Tanjong Malim dan Shah Alam), yang berkeupayaan mengeluarkan 400,000 unit setahun.

"Tetapi, tahun lalu Proton hanya menjual sebanyak 102,000 buah kereta. Walhal penguasaan dalam pasaran automotif negara hanya kira-kira 15 peratus berbanding sebanyak 74 peratus semasa kemun-

cahnya pada 1993," katanya.

Menurut beliau, setakat ini kerajaan sudah menyalurkan geran hampir RM14 bilion termasuk pelbagai bentuk bantuan dan cukai ke atas Proton sejak ditubuhkan pada 1993.

Pada April lalu, ujarinya kerajaan meluluskan pinjaman mudah RM1.5 bilion kepada Proton Holdings dengan tertakluk kepada beberapa syarat yang mesti dipenuhi oleh pembuat kereta nasional itu.

"Ini bukan penyelamat memandang pinjaman itu mempunyai syarat ketat. Namun, keperluan mendesak untuk suntikan tunai menunjukkan hakikat baha-

wa wujud kelemahan serius dalam struktur Proton.

"Kerajaan masuk bagi tujuan melindungi pekerja, keluarga di Malaysia yang bergantung kepada Proton, dan untuk melindungi pendapatan dan mata pencarian rakan kongsi perniagaan syarikat ini. Kami lakukan ini demi menjaga kesejahteraan rakyat.

"Pinjaman itu bukan cek kosong. Syarikat mesti membuktikannya, dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Pada dasarnya Proton mesti membangunkan program eksport yang kukuh dan kurang bergantung kepada pembeli Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu melihat Proton kembali berjaya dan atas sebab itu juga

syarikat tersebut dibantu oleh Pasukan Petugas Khas yang baharu dibentuk bagi memantau proses pemulihan Proton namun tidak mencampuri operasi harian.

"Sekarang, saya gembira untuk katakan bahawa terdapat perubahan yang ketara pada peringkat tertinggi pengurusan Proton. Era campur tangan politik Tun Mahathir telah berakhir.

"Kini adalah masa untuk belajar dari pengajaran dan memastikan pendekatan serius serta pembaharuan dilaksanakan bagi meletakkan kembali syarikat di landasan tepat sekali gus mencapai potensinya. Kita mahu Proton kembali berjaya dan kerana itu syarikat ini akan dibantu Pasukan Petugas Khas yang baru ditubuhkan," katanya.